

HIKMAH DAN KARAKTER oleh Hasrizal Abdul Jamil. Abideen Press Enterprise: Semeniyh Selangor. 2021. Halaman 155. ISBN 978-967-16440-0-3

Buku Hikmah dan Karakter Iktibar dan Pendidikan daripada nasihat-nasihat Luqman Al-Hakim ini mempunyai 155 halaman. Buku ini telah diterbitkan oleh Abideen Press Enterprise. Penulis buku ini adalah seorang yang sangat berpengalaman luas dalam bidang pendidikan dan penulisan. Hasrizal Abdul Jamil merupakan seorang pendidik, penulis, dan penyokong pendidikan inklusif yang berusaha menyumbang kepada bidang pendidikan melalui pengalaman dan pengetahuannya. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian) dari Universiti Mu'tah, Jordan, dan memulakan perkhidmatan sebagai Menteri Agama pertama di Belfast Islamic Centre, UK dibawah pembiayaan Yayasan Al-Maktoom, Emiriah Arab Bersatu (UAE). Minat yang mendalam terhadap pendidikan mendorong beliau melanjutkan pengajian pascasiswazah di Oulu, Finland (2016–2020), dalam bidang *Learning, Education and Technology* serta *Education Entrepreneurship*.

Pengalaman ini melengkapkan usaha beliau bersama Yayasan Pendidikan Khalifah di Malaysia, membantu memperkukuhkan model pendidikan berteraskan pendidikan karakter dan model Metode Khalifah. Sebagai ahli Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan-Pendidikan Negara (2018–2019), beliau menyumbang kepada usaha pembaharuan sistem pendidikan negara. Penulis kepada 28 buah buku ini (2024) didiagnosis ADHD pada tahun 2021 sebagai satu titik penting dalam kehidupannya. Ia menjadi sumber inspirasi dalam advokasi pendidikan inklusif. Kini menetap di Naas, Co. Kildare, Republic of Ireland, beliau sedang meneruskan pengajian Sarjana Pendidikan (*Diversity and Inclusion*) di *School of Education, Trinity College Dublin*. Antara buku yang telah dikeluarkan oleh beliau adalah *Seni Berfikir Yang Hilang*, *Sisi Berakhlak Yang Hilang*, dan *Erti Beragama Yang Hilang*. Buku-buku karya beliau kebiasaannya laris di pasaran dan mempunyai golongan-golongan di pelbagai peringkat umur yang membacanya. Justeru tidak hairanlah beliau banyak berkecimpung dalam dunia penulisan kerana minat dan pengetahuan serta pengalaman di luar negara yang banyak membantu beliau untuk meluaskan ilmu pengetahuan.

Terdapat 7 bab dalam buku Hikmah dan Karakter ini yang mana penulis memulakan dengan tadabbur dan ibrah Al-Quran melalui Surah Muhammad ayat 24. Ayat ini memberi gambaran kepada umat Islam tentang kepentingan untuk berinteraksi dengan Al-Quran supaya umat Islam dapat melihat perjalanan selama 1400 tahun dalam intipati tersebut. Justeru berdasarkan tadabbur tersebut, penulis membawa pembaca untuk merungkai pembangunan karakter berdasarkan Al-Quran dari aspek keibubapaan dan pendidikan secara formal. Penulis berkongsi satu kisah berkenaan sahabatnya di mana keluarganya berkahwin campur dan mengaitkan pemerhatian yang penulis perolehi apabila penulis berkecimpung dan bekerja di luar negara penulis mendapati ramai golongan yang berkahwin campur ini telah melalui kegagalan dalam perkahwinan. Antara sebab utamanya adalah kerakyatan. Namun, selepas empat tahun golongan yang berkahwin campur tersebut telah mendapat kerakyatan, perkahwinan mereka tergantung kerana hilangnya pasangan masing-masing yang tidak dapat dihubungi. Oleh itu, buku ini turut membawa kepada hal-hal berkaitan pembangunan kesejahteraan sumber manusia.

Dalam bab 1 Buku Hikmah dan Karakter ini menyajikan mengenai pengenalan Surah Luqman yang terdapat banyak kisah-kisah yang boleh diambil pengajaran dalam kalangan *Ulul-Albab*. Bagi mendapatkan ibrah daripada Al-Quran masyarakat perlu menjadi *Ulul-albab* iaitu orang yang mendapat intipati atau isi berkenaan dengan fikrah yang ingin disampaikan. Kisah-kisah

yang diceritakan contohnya adalah kisah Nabi Syuaib AS, Nabi Hud AS yang memberi inspirasi. Nabi Syuaib AS diutuskan kepada kaum Madyan, namun kaum Madyan telah ditimpakan azab oleh Allah disebabkan penipuan dalam perdagangan. Kaum Madyan melebihi timbangan dengan tujuan untuk menipu dan mengambil keuntungan. Lalu Allah SWT menghancurkan Kaum Madyan atas kejahatan mereka. Nabi Syuaib AS juga diutuskan kepada penduduk Aikah yang menyembah pokok di hutan (Ishar 2012). Nabi Hud AS pula telah diutuskan kepada kaum Ad yang menyembah berhala dan dihancurkan dengan gumpalan awan hitam serta angin taufan (Sutrisno: 2017). Maka dengan itu, objektif utama dalam buku ini adalah berkisarkan tentang pembangunan manusia untuk meletakkan manusia tersebut dalam konteks yang betul berlandaskan tujuan manusia itu diciptakan. Bagi memahami manusia terdapat dua ilmu yang perlu dipelajari iaitu ilmu syariatullah dan ilmu sunnatullah sepertimana dalam Surah Al-Alaq yang memberi dua pengajaran utama iaitu belajar ilmu agama dan belajar ilmu sains.

Bab 2 pembuka nasihat Luqman melalui Ayat 12 menyentuh mengenai dua perkara asas sisi holistik manusia dan pembentukan karakter. Asas pertama adalah guru dan ibu bapa mereka perlu memerhatikan perkembangan anak-anak dalam dunia mereka melalui pedagogi. Bagi meraikan kemenjadian anak-anak, ibu bapa dan guru perlu menyediakan fasiliti, kemudahan dan pendidikan supaya dapat difahami secara mendalam. Contohnya bermain bersama-sama, mengambil ibrah daripada kisah-kisah teladan yang membuatkan anak-anak dibentuk agar dapat berfikir dengan lebih jauh. Asas kedua karakter adalah pembinaan personaliti. Nabi Muhammad SAW menggambarkan manusia itu seperti unta kerana daripada 100 ekor unta hanya seekor sahaja yang boleh dipakai untuk ditunggang. Oleh itu untuk membina personaliti bukanlah sesuatu yang mudah tetapi ia memerlukan masa, pengorbanan, tenaga dan keupayaan.

Surah Luqman ialah surah yang diturunkan selepas hijrah surah ini merupakan surah Makkiyah yang bertemakan pengukuhan dalaman manusia. Antara latar belakang Surah Luqman ialah Luqman merupakan seorang hamba daripada Habsyah yang digambarkan dengan bertubuh pendek, bibirnya tebal dan diberi pilihan untuk memilih di antara hikmah dan nubuwah. Luqman ialah tokoh utama daerah Sudan dan Habsyah selain daripada Najashi dan Bilal Bin Rabah. Luqman memilih hikmah disebabkan empat tahap berikut iaitu *Al-Ma'rifah* (pengetahuan akal bersama ilmu). Kedua, *isabah al-haq bi al-ilmu wa al-aql* (keberhasilan untuk menemui kebenaran hasil daripada menggunakan ilmu dan akal). Ketiga *Al-Man'u* iaitu menghalang seseorang dari kejahatan manakala yang keempat adalah *Al-Fiil* iaitu secara praktikal dan boleh merangsang perbuatan baik. Sheikh Solah Abd Fatahal-Khalidi menyatakan bahawa hikmah akan membawa manusia tersebut kepada Allah SWT. Dalam erti kala lain hikmah disebut *wisdom* yang mempunyai falsafah tersendiri (Hasrizal 2021). Menurut Matthew Lipman (1988), matlamat program kemahiran berfikir P4C *Philosophy for Children* adalah untuk membantu kanak-kanak terutamanya pelajar untuk menjadi seorang individu yang lebih berfikir, lebih teliti, lebih bertimbang rasa dan lebih rasional. Manakala, program pedagogi Hikmah ini menggunakan matlamat P4C *Philosophy for Children* sebagai asas dan ditambah lagi dengan aplikasi memahami Al-Quran dan Hadis untuk mendapatkan hikmah dalam hidup. Penggunaan teks cerita pedagogi hikmah dapat meningkatkan keupayaan menakul iaitu dengan melatih dan mengasah kemahiran untuk memerhati, memahami dan berfikir secara bijaksana dalam kehidupan (Inas, Hafizhah 2024).

Antara contoh praktikal hikmah dalam kehidupan termasuklah adab seorang murid seorang murid tidak boleh membidas percakapan seorang guru. Namun, kisah pertemuan Nabi Musa AS dan Nabi Khidir AS menjawab persoalan supaya manusia menjauhi sifat takbur, mendalami

ilmu pengetahuan dan bersabar dengan ujian dan cabaran. Walaupun Nabi Musa AS telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan namun untuk membentuk satu personaliti terhadap pelajarnya maka Nabi Khidir AS bersabar dengan semua sikap yang ditunjukkan oleh Nabi Musa AS dengan mengambil ibrah dan hikmah daripada perjalanan tersebut (Itmam, 2022). Melalui kisah Nabi Khidir AS, Allah SWT menjelaskan bahawa ilmu tersebut adalah hikmah untuk dipelajari di mana ia dinamakan sebagai ilmu *ladunni* iaitu ilmu orang-orang soleh yang mematuhi Al-Quran dan menjauhi *bid'ah*. Apabila seseorang itu mendapat hikmah maka mereka perlu bersyukur dengan mengungkapkan kalimah-kalimah memuji Allah SWT contohnya *subhanallah* iaitu Maha Suci Allah. Manusia yang bahagia adalah manusia yang mengenal erti syukur dengan rezeki, kesihatan, kegembiraan dan kemudahan dalam setiap urusan namun apabila manusia tersebut berpaling dari rasa syukur iaitu kufur maka ianya tidak menjejaskan zat Allah SWT.

Nasihat pertama dalam Surah Luqman adalah tentang sudut spiritual (*Al-Waizu*) dalam ayat ke-13. Luqman memerintahkan supaya anaknya tidak mensyirikkan Allah SWT dan berbuat zalim kerana risiko-risiko yang akan berlaku akan lebih berat daripada jangkauan mereka. Luqman telah bermain dengan emosi dalam mendidik anaknya. Oleh itu apabila kita menasihati anak, pastikan anak tersebut dalam posisi yang betul dan mudah untuk mendengar arahan. Dalam ayat ke 14 Surah Luqman pula, beliau menitikberatkan supaya anak tersebut bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada ibu bapa yang telah menjaga, melahirkan dan membimbing dari kecil hingga dewasa. Perintah untuk berbuat baik kepada ibu bapa ini adalah perintah yang wajib selagi mana ibu bapa tersebut tidak menyuruh berbuat kemungkaran (Hasrizal 2021). Menurut Al-Ghazali dan Ibnu Sina, ibu bapa perlu mendidik dan mengasuh anak dengan ilmu keagamaan yang cukup agar mengelakkan dari kepincangan sosialisasi. Bagi anak-anak, mereka akan terpengaruh oleh didikan dan asuhan ibu bapa mereka. Sikap dan tingkah laku ibu bapa merupakan teladan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh mereka. Oleh kerana itu, ibu bapa haruslah menjadi contoh atau teladan yang baik pada anak-anak kerana watak yang ditunjukkan oleh ibu bapa akan diwarisi oleh anak apabila mereka besar kelak (Syahirah 2016). Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) juga telah melancarkan Sarana Ibu Bapa (IB) iaitu merupakan suatu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah demi kecemerlangan masa hadapan negara. Dalam sarana ini, satu kaedah yang dicadangkan ialah ibu bapa atau penjaga mengisi borang soal selidik yang dibekalkan dan menganalisis sendiri kekuatan dan kelemahan di dalam mengurus anak-anak dalam empat bidang:

- a) Menyediakan suasana pembelajaran di rumah
- b) Interaksi sosial
- c) Komunikasi dengan anak
- d) Sokongan akademik

Nasihat seterusnya dalam Surah Luqman ialah sisi intelektual dalam ayat 16 iaitu mendidik akidah melalui proses berfikir. Luqman menggunakan perkataan *lathif* dan *khobir* iaitu yang maha halus dan yang sangat berpengetahuan. Beliau memperkenalkan asas akidah kepada anak dengan 99 nama-nama Allah supaya anak-anak tersebut belajar mengenali Tuhan yang Menciptakan. Dalam satu peristiwa, Baginda Rasulullah SAW tidak mengimamkan solat subuh lantas sahabat meminta Bilal mencari Rasulullah SAW di rumahnya dan Bilal mendapati Rasulullah SAW dalam keadaan menangis kerana Allah SWT telah mewahyukan 10 ayat terakhir dalam surah Ali Imran, Rasulullah SAW menyatakan terdapat beberapa ciri ulul albab iaitu golongan yang mengingati Allah SWT dalam keadaan berdiri, duduk mahupun baring dan golongan yang berfikir mengenai penciptaan langit dan bumi. Oleh itu, Luqman menggunakan

teknik perbandingan dengan bertanya jika anaknya mempunyai biji sawi dan ia berada di atas batu atau berada di angkasa atau terjatuh di muka bumi, maka adakah anaknya boleh mencari biji sawi tersebut sedangkan Allah Maha Halus?. Oleh itu, Luqman menasihati anaknya supaya menjadi lebih sensitif dan peka dalam semua aspek contohnya dalam aspek seni bina.

Bab yang kelima dalam buku ini mengenai nasihat ketiga dari sudut sosial dan emosi. Ayat ke-17 dalam Surah Luqman memerintahkan mengenai pendedahan solat bagi kanak-kanak seawal usia tujuh tahun. Luqman memerintahkan anaknya untuk menggunakan solat bagi menjauhi perkara-perkara kemungkaran. Terdapat tiga metode dalam Pendidikan menerusi metode khalifah iaitu

- a) Menjadikan diri sendiri baik,
- b) Membantu orang lain menjadi baik dan
- c) Menjaga persekitaran supaya diredhai oleh Allah SWT dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.

Perintah sabar mengisyaratkan agar dalam melakukan amar ma'ruf dan nahi mungkar setiap orang harus memiliki kesabaran, ketabahan dan komitmen yang tinggi. Seorang yang beriman perlu bersyukur dan bersabar dalam menghadapi sebarang kesulitan (H Abd Basir 2022).

Dalam bab keenam buku ini adalah mengenai nasihat Luqman supaya tertib apabila berinteraksi dengan manusia melalui fizikal iaitu gaya bahasa badan. Contohnya apabila berbicara, tidak boleh memalingkan wajah dengan sombong. Dalam Syamil Muhammadiyyah, Nabi SAW apabila berbicara akan memandang muka terlebih dahulu kepada orang yang memanggil atau bertanya dan tidak bercakap dengan memandang ke arah lain (Hanif 2023). Komunikasi ini perlu dititikberatkan sama ada secara dalam talian mahupun secara fizikal. Selain itu, komunikasi di antara pelajar dan pensyarah sama ada secara dalam talian, menerusi emel atau *Whatsapp* perlulah tertib dan sopan untuk mengangkat martabat mereka sebagai seorang guru atau *murobbi*. Selain itu Luqman juga menyarankan supaya anaknya bersifat sederhana dalam setiap langkahnya. Contohnya bersederhana apabila berjalan dengan tidak tergopoh-gapah, bersederhana dalam hidup menjaga keseimbangan rohani dan jasmani, bersederhana dalam berbicara dengan tidak meninggikan suara. Stephen Covey menyatakan bahawa dalam buku *7 Habits of Highly Effective People* iaitu perkataan mewakili 10 peratus maksud percakapan, intonasi 30 peratus dan 60 peratus adalah melalui bahasa tubuh. Oleh itu, elemen akidah, spiritual, pemikiran, intelektual, emosi dan sosial memainkan peranan penting dalam membentuk karakter individu muslim (Yusuf, 2023).

Bab terakhir daripada buku ini berkisarkan implikasi nasihat Luqman dalam keluarga adalah dengan memandang jauh ke hadapan dengan merancang pendidikan, menjadi umat pertengahan dengan mengimbangkan dunia dan akhirat. Luqman juga menyeru anaknya untuk melaksanakan kelangsungan dakwah dengan membina karakter atau keperibadian individu Muslim yang akan menjadikan seseorang itu mempunyai kekuatan fizikal, intelektual dan spiritual. Sesungguhnya kesihatan dan produktiviti diri amat penting untuk memastikan kelangsungan dalam kehidupan sepertimana yang dititik beratkan dalam surah Al-Asr untuk menjaga masa dan memanfaatkannya di tempat yang baik.

Justeru, buku Hikmah dan Karakter ini sangat disyorkan untuk dibaca sebagai satu pembinaan personaliti dalam mendidik dan mentarbiyah anak-anak. Sesungguhnya terdapat banyak cabaran dan *mehnah* (ujian) dalam mendidik anak-anak, dan ibu bapa perlu bersedia dengan

segala pengetahuan supaya pendidikan tersebut tidak terabai dan anak-anak terpelihara dengan sahshiah terpuji. Pembangunan ummah yang terpuji akhlaknya bermula dengan teladan dan asas didikan bermula di rumah melalui ibu dan bapa. Pelbagai masalah sosial dalam kalangan masyarakat pada hari ini seperti buli dapat dicegah untuk tidak berlaku sekiranya didikan yang penuh hikmah membentuk karakter anak-anak yang bermoral dan bertanggungjawab sesama manusia.

Rujukan

H. Abd Basir. 2022. *Model Pendidikan Keluarga Luqman Dalam Perspektif Al-Quran Surah Luqman*. Indonesia : CV EL Publisher

Hanif Maulana. 2023. Wasiat Luqman Al-Hakim (Kajian Tafsir Surat Luqman Ayat 13-19). *Jurnal at-Tarbiyah: Pendidikan Islam*. Vol 9 No 2.

Hasrizal Abdul Jamil. 2021. Hikmah dan Karakter. Semenyih: Abiden Press Enterprise

Inas Tasnim Roslan & Hafizhah Zulkifli. 2024. Teks Cerita dalam Pedagogi Hikmah. *Jurnal Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. Vol. 8, No. 1, 68-75. Diakses di <https://attarbawiy.uis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/181/177>

Ishar. 2012. Kisah Kaum Madyan dalam Al-Quran. Tesis Sarjana Teologi Islam Fakultas Usuluddin, Filasafat dan Politik. UIN Alauddin Makassar. Diakses di <https://repositori.uin-alauddin.ac.id/10832/1/Kisah%20kaum%20Madyan%20dalam%20Al-Qur%27an.pdf>

Itmam Mutaqien. 2022. Kisah Nabi Musa dengan Nabi Khidir dan relevansinya dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Islamika*, Volume 4, No 4, 10, 812-824. Diakses pada <https://ejournal.stitpn.ac.id/index.php/islamika/article/view/2160>

Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Sutrisno. 2017. Kisah Materi Dakwah Nabi Hud. *Jurnal Al Misbah*. Volume 13, Januari-Jun, No 1, 183-200. Diakses di <https://oaji.net/articles/2017/1786-1527082621.pdf>

Syahirah Abdul Shukor. 2016. Tanggungjawab Ibu Bapa Dalam Melindungi Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Malaysia Journal Syariah and Law*. Volume 4, 1-10. Diakses pada <https://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjssl/article/view/16/26>

Yusuf Hamdan. 2023. Penerapan Konsep 7 Habits of Highly Effective People dalam Profesi dosen. *Mediator* Vol 4, No 1, 119-134.

Suhaila Sharil

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Siti Nur Fadzilah Abdullahh

Pensyarah

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Amira Hassan@Asan

Pensyarah Universiti

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.